

Evolusi Gatekeeping: Satu Kajian Konseptual Ke Atas Kewartawanan Atas Talian

Hemawathi Somasundharam & Rani Ann Balaraman

Penang, Malaysia

Email of corresponding author: hemasomasundharam@yahoo.com

Abstrak


Kertas ini dirangka untuk meneliti evolusi gatekeeping dalam industri kewartawanan dengan adanya Internet. Gatekeeping didefinisikan sebagai *'regime of control'* kerana menentukan kandungan (apa) yang memasuki bilik berita dan disebarkan kepada sirkulasi. Bagaimanapun peralihan kewartawanan tradisional (televisyen, radio & bahan bercetak) kepada kewartawanan atas talian telah memberi ruang kepada pengguna media baru untuk melaporkan kejadian setempat menerusi ruangan media sosial. Fenomena ini mengundang perdebatan ke atas 'peranan dan kuasa' gatekeeping dalam kewartawanan atas talian kerana penyebaran maklumat melalui platform sosial tidak melalui proses gatekeeping sepertimana dijalankan oleh media tradisional. Ini kerana media tradisional mengkhususkan bidang tugas editor atau penyunting bagi mengawal pengaliran maklumat kepada awam. Namun begitu, hujahan sarjana seperti Livingstone & Benett (2003); Singer (2008) menyatakan kemajuan teknologi tidak menjejaskan sebarang proses gatekeeping ke atas maklumat yang disebarkan atas talian. Pernyataan ini membuktikan evolusi gatekeeping seiring dengan kemajuan yang dicapai dalam dunia kewartawanan dan kerelevanan proses gatekeeping dalam kewartawanan atas talian. Kajian ini mengetengahkan hujahan sarjana komunikasi dan melihat perbandingan antara model teori Gatekeeping (tradisional) dan *Network Gatekeeping Theory* (NGT) untuk meneliti evolusi gatekeeping.

Kata Kunci : Evolusi, Gatekeeping, Kewartawanan Atas Talian, Kewartawanan Warga, Internet

1.1 Pengenalan

Evolusi internet telah mencetuskan perkembangan dalam bidang kewartawanan tradisional. Menyokong pernyataan Bardoel, J & Deuze, M (2001) berhujah bahawa Internet merupakan faktor utama perubahan yang dialami oleh kewartawanan. Realitinya, kemunculan kewartawanan atas talian (online journalism atau lebih dikenali network/digital journalism) adalah salah satu sumbangan utama internet kepada dunia kewartawanan (Singer 1998; Deuze 1999; Bardoel, J & Deuze, M 2001).

Rajah 1.1.1 Pembentukan kewartawanan atas talian



Pertembungan antara evolusi internet dan kewartawanan tradisional telah membangkitkan perdebatan atas peranan editor sebagai *'gatekeeper'* memandangkan Internet memberi ruang kepada pengguna media atas talian untuk menyebarkan maklumat tanpa sekatan. Mengulas lanjut Roberts, C (2005) mengukuhkan pendirian dengan berkata,

'internet has made it easier for anyone to publish on nearly any topic without the traditional gatekeeping of tradisional mass media.' (Roberts, C, 2005, pp 2)

Perdebatan ini terdorong akibat kemampuan pengguna media atas talian dalam menentukan pendirian editorial dalam apa yang patut disalurkan dan tidak, berdasarkan apa yang pembaca (pengguna media atas talian selain pelapor) wajar baca dan pelaporan sebagaimana mungkin tidak dipedulikan kewujudan dalam ruang media atas talian (Singer, B, J 2014). Tanpa sedari kemampuan pengguna ini telah melahirkan golongan wartawan baru yang dikenali sebagai wartawan warga (Rosen 2006; Rhinesmith, C, Wolske, M, & Kehoe, A 2011).

Seterusnya, lain peranan *gatekeeper*, kerelevanan proses *gatekeeping* dalam kewartawanan atas talian turut mengundang perdebatan hangat dalam kalangan sarjana komunikasi. Ini kerana sebarang aktiviti kewartawanan warga tanpa proses *gatekeeping* media tradisional dianggap sebagai tindakan mencabar profesionalisme kewartawanan media tradisional.

Kewartawanan warga yang membawa maksud penglibatan orang awam dalam proses mengumpul, melaporkan dan menganalisis berita (Nguyen 2006; Atieno, O, M 2011) ini sering dikaitkan dengan *gatekeeping* kerana bimbang menyebarkan maklumat yang kurang penting dan tidak wajar diketahui oleh masyarakat umum.

Jadi satu perbandingan konseptual antara teori *gatekeeping* tradisional dan teori *network gatekeeping* yang dicadangkan oleh penggiat kajian komunikasi Barzilai-Nahon (2005) dijalankan dalam usaha menjawab persoalan apa itu *gatekeeping*? Dan bagaimana proses *gatekeeping* diadaptasikan dalam kewartawanan atas talian?


Kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis konteks ini dapat memberikan perspektif baru dalam aplikasi teori *gatekeeping* keatas kajian kewartawanan atas talian. Memetik kata Singer (1998); Channel (2010) teori *gatekeeping* sesuai digunakan dalam kajian yang melihat bagaimana proses pemilihan berita untuk media atas talian dijalankan terumatanya berdasarkan penentuan nilai berita.

Memberikan justifikasi, *gatekeeping* bukan sesuatu konsep baru dalam dunia kewartawanan dan telah muncul sejak tahun 1940-an. Kurt Lewin, sarjana psikologi berkata *gatekeeping* dirujuk sebagai informasi yang disalurkan melalui *gate* (tapis) dan *gatekeeper* pula membawa makna individu menentukan informasi yang patut melepasi *gate* (Lewin 1947; Channel 2010).

Meraz (2009) menyatakan teori *gatekeeping* relevan digunakan dalam kajian media. Hujahan ini diketengahkan memandangkan asas *gatekeeping* terdiri daripada aktiviti memilih, menulis, menyunting, susun atur, mengulang-balik dan diikuti oleh proses susun atur maklumat dalam bentuk berita. Lewis, Kaufhold & Lasorsa (2009) sepertimana dijalankan dalam proses pengedaran maklumat menerusi media atas talian.

Formula awal penggunaan teori *gatekeeping* yang dikesan pada tahun oleh David Manning White's menjadi perdebatan dalam kajian komunikasi kerana mempunyai pendirian tersendiri terhadap penggunaan teori ini. Namun, kajian kewartawanan yang melihat cabaran editor akhbar dalam dunia digital sesuai menggunakan teori ini untuk mendapatkan dapatan kajian yang memberi impak kepada kajian komunikasi (Lewis, Kaufhold & Lasorsa 2009).

Rajah 1.1.2 Model teori *gatekeeping* tradisional



Menghuraikan model yang dibangunkan oleh Lewin dalam rajah 1.2 menjelaskan proses pemilihan berita yang melepasi *gate* dan disebarkan kepada pembaca (audien). Mengulas semula model teori *gatekeeping* tradisional kesemua sumber item berita yang masuk *gate* diproses mengikut kepentingan berita kepada masyarakat awam dan organisasi berita. Maka hanya berita yang dipilih sahaja melepasi *gate* untuk diedarkan kepada audien (pembaca) manakala item berita yang tidak melepasi *gate* ditolak dan tidak disampaikan kepada masyarakat.

Pertimbangan komponen model *gatekeeping* tradisional bagi kajian media atas talian dilihat agak ketinggalan zaman kerana tidak dapat menandingi ciri-ciri media atas talian seperti model komunikasi *many to one* dan *many to many*. Selain itu media atas talian juga memberi peluang kepada pembaca berkongsi berita bersama pengikut mereka di laman sosial serta meluahkan pendapat di ruang komen atau menulis keterangan (*caption*).

Melihat perkembangan semasa dunia kewartawanan Barzilai-Nahon (2005) mencadangkan kerangka teori *gatekeeping* baru dan menamakannya sebagai *Network Gatekeeping Theory* (NGT) walaupun penggunaan teori tradisional masih kekal dalam kajian media.

1.2 Evolusi Teori Network Gatekeeping (NGT)

Idea membangunkan *Network Gatekeeping Theory* diusahakan kerana kemajuan Internet telah mengubah identiti dan peranan *gatekeeper* (tradisional). Nyata, NGT membawa definisi baru kepada proses *gatekeeping* dan *gatekeeper* dengan pengadaptasian teori tradisional.

Jadual 1.2.1 Perbezaan antara Teori Gatekeeping Tradisional dan NGT

	<i>Gatekeeping</i>	<i>Network Gatekeeping Theory (NGT)</i>
Proses gatekeeping	Tumpuan utama kepada proses selektif	Pengawalan informasi termasuk selektif, penambahan selektif, (sekatan), papar, salur, membentuk, manipulasi, pengulangan, ketepatan masa, lokalisasi, integrasi, mengabaikan, penghapusan maklumat
Fokus atas gatekeepers	<i>Gatekeeper</i> individu	Tumpuan ke atas dua dimensi : autoriti dan fungsional. Setiap dimensi mempunyai tahap yang berbeza.
Fokus atas mekanisme gatekeeping	Mekanisme editorial	Sembilan kategori terdiri daripada mekanisme penyaluran, penapisan, pengantarabangsaan, kawalan, keberkesanan kos, tambah-nilai, infrastruktur, interaksi pengguna, editorial dan meta-peraturan.
Hubungan	Hubungan antara penghantar - penerima	Kekerapan interaksi antara <i>gated</i> dan <i>gatekeeper</i> .
Informasi	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep sumber-memuaskan • Proses penghasilan informasi hanya tertakluk kepada <i>gatekeepers</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada keperluan hubungan antara sumber dan <i>gatekeeper-gated</i>. • <i>Gated</i> turut terlibat dalam proses penghasilan dan mencipta informasi.
Alternatif	Tiada <i>gatekeeper</i> alternatif.	Kemungkinan wujud mekanisme <i>gatekeepers</i> dan <i>gatekeeping</i> .
Kuasa	<i>Gatekeeper</i> mempunyai kuasa, manakala <i>gated</i> tidak mempunyai sebarang kuasa.	Kuasa <i>gated</i> semakin meningkat. Sebaliknya, <i>gatekeepers</i> memiliki mekanisme lebu kepada kuasa mengawal maklumat.
Bilangan gatekeepers	<i>One to a few</i>	<i>A few to many</i>
Jenis gatekeepers	<i>One to a few</i>	<i>A few to many</i>

Jadual diadaptasikan daripada Barzilai-Nahon (2008).


Merujuk jadual 1.2.1 perbezaan antara teori *gatekeeping* tradisional dan NGT menjelaskan proses *gatekeeping* tradisional hanya tertumpu kepada proses selektif (pemilihan) manakala NGT melibatkan 13 indikator dalam penapisan maklumat. Seterusnya, *gatekeeping* tradisional hanya melibatkan individu dan mengamalkan mekanisme editorial berbeza dengan NGT melibatkan dimensi autoriti dan fungsional serta menggunakan sembilan mekanisme yang menepati ciri-ciri media atas talian.

Kelebihan NGT adalah interaksi antara *gated* (kenalpasti subjek yang tertakluk kepada pantauan) dan *gatekeeper* (individu yang menjalankan penapisan maklumat) kerana teori *gatekeeping* tradisional limitasi hubungan antara penghantar dan penerima. Selain itu, NGT tidak melibatkan hubungan antara sumber dan *gatekeeper-gated* manakala *gatekeeping* tradisional

hanya berpandukan sumber memuaskan.

Jadual 1.2.1 turut menjelaskan teori *gatekeeping* tradisional tidak menggunakan *gatekeeper* alternatif, tidak memberikan sebarang kuasa kepada *gatekeeper* serta hanya menggunakan model komunikasi *one to a few* manakala NGT menggunakan konsep yang bertentangan dengan teori tradisional.

Gambar rajah 1.2.2: Ilustrasi model Teori Gatekeeping Network (NGT)



Berikut adalah kata kunci yang digunakan dalam gambar rajah 1.1 :

P	<i>Poster</i> (Penghantar Maklumat)
P1	Item maklumat yang cuba untuk menembusi jaringan
P2	Item maklumat yang cuba untuk menembusi jaringan dan ditolak melalui proses <i>gatekeeping</i>
P3	Item maklumat yang menembusi jaringan dengan memintas mekanisme pengawalan
P1'	Item maklumat yang menembusi jaringan dan berjaya melepasi proses <i>gatekeeping</i>

R	<i>Retriever</i> (<i>gated or user</i>) Pengguna atau pemuat turun maklumat daripada jaringan
R1	Item maklumat yang cuba untuk keluar dalam jaringan
R2	Item maklumat yang cuba keluar daripada jaringan dan dihalang untuk berbuat sedemikian melalui proses <i>gatekeeping</i>
R3	Item maklumat yang keluar menerusi jaringan dengan memintas mekanisme pengawalan
R1'	Item maklumat yang keluar menerusi jaringan dan melepasi proses <i>gatekeeping</i>

G	Gated
GKMs	Mekanisme <i>Gatekeeping</i> (Terdiri daripada satu mekanisme)

Gambar rajah 1.2.2 menunjukkan ilustrasi model teori *gatekeeping* bagi menjelaskan bagaimana penghantar maklumat (P) mengamalkan *gatekeeping* dalam kewartawan atas talian dan memberikan gambaran bagaimana proses *gatekeeping many to many* berlaku atas talian. Gambar rajah 1.2.2 turut menerangkan fakta bahawa NGT tidak melibatkan hubungan antara sumber dan *gatekeeper-gated* kerana hubungan hanya berlaku antara *gatekeeper* dan *gated* dan tanpa penglibatan sumber.

Secara terperininya, teori ini dirangka semula dengan pengadaptasi teori *gatekeeping* atas 3 matlamat utama yang terdiri daripada faktor elak maklumat yang tidak diinginkan dari luar, elak maklumat yang tidak diinginkan keluar dari jaringan dan kawal informasi atas jaringan (talian). Justeru Barzilai-Nahon menggunakan istilah baru untuk menerangkan proses *gatekeeping* yang dijalankan dalam platform media atas talian.

Melihat perbandingan model teori *gatekeeping* tradisional dan NGT, model tradisional dibina mengikut proses *gatekeeping* yang sesuai digunakan atas media tradisional (televisyen, radio dan surat khabar). Ini kerana hanya editor media tradisional atau organisasi berita mempunyai kuasa untuk menjalankan proses *gatekeeping*.

Berbeza pula dengan NGT yang dicadangkan oleh Barzilai-Nahon (2004) menyenaraikan 13 indikator yang dapat tembusi model *gatekeeping* dengan kewujudan komunikasi atas talian. Antaranya, indikator **selektif** memberi pilihan kepada *gatekeeper* atas talian untuk memilih maklumat daripada sumber alternatif, kedua **penambahan** memberi ruang untuk menyelitkan fakta tambahan, diikuti oleh **sekatan** yang menyekat saluran maklumat, seterusnya indikator **papar** yang membenarkan pemaparan informasi dalam bentuk visual khas untuk menarik perhatian pembaca, kelima **salur** yang mana menyebarkan informasi menerusi saluran tertentu atas talian, **membentuk** pemberitahuan khusus tentang sesuatu informasi, diikuti oleh **manipulasi** yang berlaku apabila *gatekeeper* bertindak untuk memutarbelitkan informasi bagi tujuan penapisan maklumat atas talian, dan menggunakan **pengulangan** menyatakan atau mengetengahkan semula penulisan fakta.

Memandangkan media atas talian mempunyai kuasa menyebarkan maklumat dalam masa yang terdekat indikator **ketepatan masa** turut disenaraikan bagi memilih masa yang tepat bagi memulakan, melaksanakan atau menamatkan proses penghasilan informasi. Model NGT turut memberikan penekanan kepada **lokalisasi** iaitu proses penambahbaikan dan pengadaptasian informasi, barangan dan perkhidmatan supaya bersesuaian dengan faktor geografi dan ciri-ciri budaya sasaran audiens. Barzilai-Nahon (2004) turut menyenaraikan **integrasi** dalam pembentukan, penyelarasan atau pembentukan semula fakta, diikuti oleh **mengbaikan** maklumat dengan tidak memberi penumpuan kerana tidak penting kepada masyarakat dan akhirnya penghapusan maklumat yang digunakan untuk menyunting maklumat dengan menggunakan kaedah penyingkiran.

1.3 Rumusan

Kesimpulannya, 13 indikator oleh Barzilai-Nahon (2004) mengukuhkan hujahan bahawa kewartawanan atas talian mempraktikkan *gatekeeping* dalam proses pengedaran maklumat. Selain membuktikan kerelevanan teori *gatekeeping* dalam kewartawanan atas talian, model Barzilai-Nahon (2004) turut berupaya menjawab perdebatan sarjana yang menyatakan berlaku 'pengaliran maklumat tanpa kawalan' dalam kewartawanan atas talian. Jelas walaupun tidak menghadkan kuasa dan peranan *gatekeeping* kepada editor akhbar namun *gatekeeping* tetap dijalankan oleh pengantar maklumat dan proses penapisan berulang semula apabila pengguna mengakses semula maklumat atas talian (Rujuk gambar rajah 1.1). Kerelevanan teori *gatekeeping* terhadap kajian kewartawanan atas talian terbukti dengan pengadaptasian 13 indikator asas *gatekeeping* yang dicadangkan oleh Barzilai-Nahon (2004). Keadaan ini juga menyaksikan evolusi *gatekeeping* daripada menepati ciri-ciri pengaliran maklumat media tradisional sehingga media atas talian dengan menggunakan NGT.

Rujukan

- Bardoel, J & Deuze, M, 2001, 'Network Journalism' : Converging competences of old and new media professionals. *Australian Journalism Review* 23 (2) pp. 99-103.
- Barzilai-Nahon, K, 2004, Gatekeepers and gatekeeping mechanisms in networks. *Unpublished doctoral dissertation*, Tel-Aviv University, Tel-Aviv.
- Barzilai-Nahon, K. & Neumann, S, 2005, Gatekeeping in networks: A Meta-Theoretical Framework For Exploring Information Control, Will be presented in the JAIS Sponsored Theory Development Workshop, ICIS, Versi Pra-Percepatan. Di muat turun daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/c577/2b3a9dd0f4a5e780b580d8c0e2c8ba6bf841.pdf> [20 Februari 2017].
- Barzilai-Nahon, K, 2008, Toward a Theory of Network Gatekeeping : A Framework for Exploring Information Control, *Journal of The American Society For Information Science and Technology*, 59 (9): 1493-1512.
- Bowman, S & Wills, C, 2003, *We Media: How Audiences are Shaping the Future of News and Information*- The Media Centre, American Press. Mukasurat 9.
- Chanel, A, 2010, Gatekeeping and citizen journalism: A qualitative examination of participatory newsgathering theses and dissertations, Di muat turun daripada <http://scholarcommons.ufs.edu/etd/1598>.
- Lewis, Kaufhold, K, & Lasorsa, D, L, 2010, *Thinking About Citizen journalism: The philosophical and practical challenges of user-generated content for community newspapers*. *Journalism Practice* 4(2), Mukasurat 163-179.
- Lewis, S, Kaufhold, K, & Lasorsa, D, L, 2009, Thinking about Citizen Journalism: Perspectives on Participatory News Production at Community Newspapers, *Paper Presented at the International Symposium on Online Journalism Austin, Texas*.
- Onyango, A, M, 2011, The Impact of Citizen Journalism on Gate keeping Process: A Case Study of Kenya Broadcasting Corporation Television, Master Thesis, University of Nairobi.
- Meraz, S 2009, *Journal of Computer Mediated Communication* 14. International Communication Association.
- Rhinesmith, C, Wolske, M, & Kehoe, A 2011, 2011, Measuring the impact of citizen journalism: A study of Community Newsrooms in North Champaign and East St. Louis, Illinois, CIRN Prato Community Informatics Conference 2011- Refereed Stream.
- Singer, B, J, 2014 User-generated visibility: Secondary gatekeeping in a shared media space, *new media & society*, Vol. 16(1) pp 55-73, Dimuat turun daripada sagepub.o.uk/journalsPermissions.nav. DOI: 10.1177/1461444813477833.